

30/01/2004

Penyenaraian tidak jejas peneroka Felda

Kadir Dikoh

KERAJAAN sedang meneliti beberapa faktor bagi memastikan kepentingan peneroka tidak terjejas sebelum membuat keputusan muktamad menyenaraikan Felda Holdings Sdn Bhd (Felda Holdings) di Papan Utama Malaysia Securities Exchange Bhd (MESB).

Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam, berkata tiada tempoh masa diberikan bagi penyenaraian itu kerana kerajaan tidak mahu tergesa-gesa melakukannya.

"Kita tidak mahu tergesa-gesa kerana kita perlu melihat kepada faktor masa dan aspek lain terlebih dulu untuk melindungi kepentingan peneroka, orang Felda dan kerajaan sebelum membuat keputusan penyenaraian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Dasar Koperasi Negara (DKN) di Dewan Perdana Felda, di ibu negara semalam.

Kasitah berkata, walaupun penyenaraian itu nampak mudah tetapi hakikatnya ia memerlukan banyak pertimbangan dan pemikiran yang sewajarnya di kalangan semua pihak terbabit.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 pada September lalu mengumumkan cadangan untuk menyenaraikan Felda Holdings.

Penyenaraian Felda Holdings yang memiliki hampir 400,000 hektar ladang itu akan menjadikannya syarikat perladangan terbesar di dunia yang disenaraikan.

Pengapungan itu juga akan membolehkan Felda Holdings memanfaatkan dana daripada pasaran modal dan tidak bergantung kepada kerajaan bagi bantuan kewangan.

Bagaimanapun, cadangan penyenaraian itu belum dilaksanakan kerana kerajaan dan pihak pengurusan Felda Holdings mahu memastikan kebajikan dan masa depan peneroka terjamin.

Sebelum ini dilaporkan bahawa kira-kira 144,000 peneroka akan mendapat saham bernilai tidak kurang RM6,000 hasil daripada penyenaraian itu.

Bagaimanapun, ada pihak menentang penyenaraian itu atas alasan ia merugikan peneroka.

Felda Holdings memiliki 354,554 hektar kawasan perladangan manakala peneroka mempunyai 447,246 hektar.

Sementara itu, Felda Holdings juga mempunyai menapis minyak sawit daripada buah tandan segar (FBB) yang dihasilkan oleh estet serta dibeli daripada peneroka.

Sebelum ini, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan mengkaji dengan lebih mendalam sebelum menyenaraikan Felda bagi memastikan kepentingan peneroka terpelihara.